

NO SOALAN : 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,
PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL
(PERMATANG PAUH)

TARIKH : 19.03.18
(ISNIN)

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berikutan dengan komitmen Menteri pada 9 Disember 2017 untuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bersiap-siaga dalam isu Baitulmaqdis; sejauh manakah Kerajaan serius dalam menempatkan ATM di kawasan tersebut serta adakah terdapat rundingan yang dibuat bersama pihak berkuasa Palestin dan Gaza bagi menyokong komitmen ini.

49

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sentiasa bersedia untuk diaturgerak ke mana-mana negara yang dalam konflik seperti di Baitulmaqdis di bawah naungan Misi Keamanan Antarabangsa yang dimandatkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) atau *Organisation of Islamic Countries* (OIC).

Menyokong usaha keamanan sejagat adalah salah satu prinsip utama yang digariskan di dalam Dasar Pertahanan Negara (DPN) yang didokong oleh Kementerian Pertahanan dan ATM selama ini.